

Praktis 4

Soalan 1 - 2

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kamsiah _____ orang-orang di tengah sawah untuk menakutkan burung.
A mendirikan C meletakkan
B menegakkan D memasangkan
- 2 Mangsa kemalangan itu berjalan _____ beberapa meter sebelum rebah.
A terkial-kial
B terenjut-enjut
C lintang-pukang
D terhuyung-hayang

Soalan 3 - 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Bola itu *susut* kerana tercucuk paku yang tajam.
II Badan Aqilah *susut* sejak dia disahkan menghidap leukemia.
III Air Sungai Klang semakin *susut* akibat kemarau yang berpanjangan.
IV Pasaran saham ditutup rendah setelah *susut* 7.52 mata.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 4 I Sejak kisah kemiskinan mereka tular, rezeki keluarganya tidak pernah *patah*.
II Cita-citanya untuk melanjutkan pelajaran *patah* di tengah jalan kerana terpaksa bekerja untuk menyara keluarga.
III Kami terdengar bunyi ranting *patah* ketika melalui denai itu.
IV "Kamil sempat menuturkan beberapa *patah* kata sebelum dia tidak sedarkan diri," kata Silva.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 - 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Jamilah lari lintang-pukang oleh kerana takutkan anjing yang garang itu.
A oleh sebab ketakutan
B oleh kerana takut akan
C oleh sebab takut akan
D oleh kerana takutkan
- 6 Di hari raya, ramai tetamu datang ke rumah kami.
A Di hari raya ramai tamu
B Pada hari raya ramai tetamu
C Pada hari raya tetamu ramai
D Di hari raya, ramai tetamu

Soalan 7 - 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Sejak kematian isterinya beberapa tahun yang lalu, Asyraf hidup dalam keadaan kesakitan.
II Wajah tua ayah jelas kepenatan setelah seharian mencari rezeki.
III Kedua-dua orang anak lelaki Encik Hamdan kini melanjutkan pelajaran di luar negara.
IV Qaseh dan rakannya mengatur langkah dengan deras semasa melalui lorong yang sunyi itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 8 I Kejadian aneh yang berlaku di kampung itu telah menggemparkan penduduk.
II Habsah membuat keputusan untuk membayar keretanya secara ansuran selama tujuh tahun.
III Suasana di kawasan pergunungan sangat menenangkan jiwa, terutamanya di waktu pagi.

- IV Murid perempuan yang sedang berdiri itu adalah kapten pasukan sorak sekolah.
 A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Masalah pengangguran dalam kalangan siswazah di negara kita telah berlaku sejak tiga dekad yang lalu.
 A Masalah siswazah menganggur masih berlaku sejak tiga dekad yang lalu.
 B Walaupun sudah tiga dekad, masalah pengangguran masih membelenggu negara.
 C Sejak tiga dekad yang lalu, negara kita mengalami masalah pengangguran dalam kalangan siswazah.
 D Masalah negara menghadapi pengangguran dalam kalangan siswazah sejak tiga dekad yang lalu.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Peluang pekerjaan yang luas di bandar menyebabkan kebanyakan belia di kampung itu memilih untuk berhijrah ke bandar.

- 10 Situasi di atas bersesuaian dengan peribahasa
 A ada gula ada semut
 B telur di hujung tanduk
 C telur sebiji riuh sekampung
 D sediakan payung sebelum hujan

Soalan Tambahan

Soalan 1 – 2

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 1 I Ahmad sudah *menarik* untuk mendalami ilmu astronomi sejak kecil lagi.

- II Kerja-kerja *menarik* jalan yang rosak di kampung itu sedang dijalankan.
 III Opie sedang berusaha untuk *menarik* pukatnya yang tersangkut pada akar kayu itu.
 IV Terdapat banyak pulau yang *menarik* di Malaysia.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

- 2 I Datuk Bahar *baharu* pulang dari Mekah.
 II Ayah membeli sebuah kereta *baharu* berwarna hitam.
 III "Najwa ialah kawan *baharu* saya," kata Salima.
 IV Cikgu Radiah membeli *langsir baharu* untuk majlis tersebut.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 3

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 3 "Bantuan awal persekolahan akan diberi kepada murid pada minggu depan," kata Liza kepada Zaini.
 A Minggu depan merupakan hari penyerahan bantuan persekolahan oleh Liza kepada Zaini.
 B Liza menegaskan bahawa semua murid akan mendapat bantuan persekolahan termasuk Zaini.
 C Zaini bertanya kepada Liza tarikh bantuan awal persekolahan akan diberi kepada murid.
 D Liza memberitahu Zaini bahawa bantuan awal persekolahan akan diberi kepada murid pada minggu depan.